

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK BUNG MOKHTAR RADIN  
[KINABATANGAN]**

**TARIKH : 8 JUN 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Bung Mokhtar Radin [Kinabatangan] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah kejayaan kerajaan mengawal perairan Negara dari di cerobohi sejak penubuhan ESSCOM. Berapa ramaikah pendatang asing tanpa Ijin yang telah dihantar pulang ke Negara asal dan berapa ramaikah pendatang asing yang masih berada di Sabah.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Selaku Menteri yang bertanggungjawab menjaga pengurusan ESSCOM saya memandang serius kejadian penculikan di Restoran Ocean King, Sandakan pada 14 Mei yang lepas. Saya menerima kekecewaan rakyat Malaysia terutamanya rakyat Sabah tentang kejadian ini. Namun isu keselamatan di Pantai Timur Sabah memerlukan penglibatan semua pihak termasuk Kerajaan Filipina serta komuniti di ESSZONE. Ini kerana masalah keselamatan yang wujud telah diwarisi sejak beberapa dekad yang lalu.

Sejak ESSCOM distruktur semula pada 15 Julai 2014 yang lalu, tiada lagi kejadian kes penculikan berlaku sehinggalah pada 14 Mei 2015. ESSCOM juga telah berjaya mengagalkan sebanyak enam (6) cubaan menculik yang telah dirancang oleh penjenayah rentas sempadan. Kejayaan itu adalah adalah hasil daripada *predictive intelligence* yang telah dilaksanakan oleh ESSCOM di samping pelaksanaan perintah berkurung di enam (6) buah daerah di ESSZONE. Selain daripada itu, ESSCOM telah berusaha untuk melumpuhkan rangkaian penyeludupan yang menjadi faktor utama kepada berlakunya jenayah berat seperti penculikan dan pencerobohan bersenjata.

Lawatan daripada Pesuruhjaya Tinggi British dan kedutaan Jepun ke ESSZONE bagi tujuan mengkaji semula *Travel Advisory* mendapati tahap keselamatan dan langkah-langkah pencegahan yang telah diambil oleh ESSCOM adalah memuaskan dan hasilnya, telah berlaku

peningkatan jumlah pelancong asing yang mengunjungi kawasan ESSCOM.

Mengenai isu Pendatang Tanpa Izin (PATI), semenjak tahun 1990 sehingga kini, seramai 407,878 orang PATI telah diusir dari negeri Sabah yang terdiri daripada 242,354 warganegara Filipina, 161,070 warganegara Indonesia dan baki 4,449 orang adalah dari pelbagai kewarganegaraan. Dalam masa yang sama, seramai 74,210 PATI telah balik ke negara asal masing-masing secara sukarela yang terdiri daripada 33,462 warganegara Filipina, 39,914 warganegara Indonesia dan baki 834 orang adalah dari pelbagai kewarganegaraan.

Bilangan PATI yang masih berada di Sabah menurut statistik semasa adalah dianggarkan seramai 200,000 orang. ESSCOM kini sedang berusaha untuk mengusir baki PATI di ESSZONE. Namun proses penghantaran balik PATI ke negara asal mengambil masa yang lama kerana dokumen PATI yang tidak lengkap. Oleh itu, pengesahan kerakyatan oleh negara asal adalah diperlukan sebelum PATI dapat dihantar balik ke negara masing-masing.

Sekian. Terima kasih.